

24/10/1999

Detik bersejarah bagi rakyat

Zulkofli Jamaludin

KEMAJUAN dan kemakmuran negara yang dinikmati selepas 42 tahun mencapai kemerdekaan adalah hasil kerjasama parti komponen yang mewakili semua kaum di bawah Barisan Nasional (BN). Dari sebuah negara mundur, Malaysia yang berbekalkan kestabilan politik dan perpaduan kaum, bergerak pantas untuk meletakkan dirinya antara negara dunia ketiga yang paling pesat membangun.

Kejayaan itu dicapai kerana Malaysia mempunyai sebuah kerajaan stabil dan pemimpinnya mempunyai perancangan jauh serta meletakkan asas kukuh untuk membawa kemakmuran agar dikongsi bersama oleh rakyat berbilang kaum dan agama. Malaysia kini duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa lain di dunia berasaskan acuannya sendiri.

Bagi bekas Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mustafa Jabar, kerjasama yang berasaskan formula Malaysia ternyata berkesan untuk mengekalkan perpaduan di negara berbilang kaum ini tanpa menafikan kepentingan golongan minoriti.

Katanya, bermula kerjasama Umno dan MCA di bawah Perikatan untuk menghadapi pilihan raya majlis tempatan pada 1952, gabungan itu kemudian disertai MIC setahun selepas itu.

Komponen Perikatan kemudian diperluaskan pada 1974 apabila parti dari Sabah dan Sarawak menyertainya dan nama gabungan itu ditukar kepada BN, yang kini sudah menjangkau usia 25 tahun.

Mustafa menyifatkan sambutan jubli perak pertubuhan itu sebagai detik bersejarah bagi rakyat yang memahami erti kemerdekaan dan kebebasan.

Katanya, pemimpin dan rakyat perlu mewarisi tanggungjawab memelihara keamanan dan kesejahteraan bagi membolehkan usaha yang lebih mencabar iaitu menterjemah Wawasan 2020 menjadi kenyataan.

"Rakyat sepatutnya menyambut ulang tahun BN kerana ia adalah persatuan pelbagai bangsa yang menggembelng tenaga dan fikiran memajukan negara hasil perjuangan dan persefahaman di kalangan barisan pemimpin BN.

"BN berjaya mewujudkan kestabilan politik, membangunkan negara dan memantapkan pertumbuhan ekonomi sehingga menjadikan Malaysia negara contoh di kalangan negara membangun.

"BN juga mewujudkan pucuk pimpinan yang berwawasan. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukan saja berkorban untuk negara tetapi juga membela nasib negara lemah," katanya.

Menurutnya, Perdana Menteri berani memberi amaran kepada negara maju terutama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya berpendirian tegas demi membela nasib rakyat di negara membangun.

"Oleh itu, rakyat Malaysia harus berasa bangga kerana dengan wujudnya BN, pemerintahan negara dapat dikekalkan dengan aman dan Insya-Alah menjadi negara maju menjelang tahun 2020," katanya.

Mustafa menasihatkan belia memberi perhatian berat kepada dasar parti komponen BN kerana ia bertujuan mengekalkan kestabilan masyarakat di samping politik dan ekonomi.

Katanya, rakyat juga perlu mengekalkan semangat BN dengan menyokong calonnya dalam pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata, BN melaksanakan pelbagai pembaharuan dan pembangunan bukan saja dari segi fizikal semata-mata malah mental. Sistem pemerintahannya pula berasaskan kepada suasana dan kesesuaian masyarakat.

"Sistem sedia ada yang didukung BN terbukti sesuai dengan suasana dan iklim negara ini. Sama ada percaya atau tidak, kita sukar mencapai martabat hari ini, jika BN tidak memperjuangkannya.

"Generasi akan datang sepatutnya ditanam semangat yang sama supaya wadah BN berterusan sehingga mencapai matlamat Wawasan 2020, iaitu menjadikan Malaysia negara maju.

"Dalam usaha ke arah itu, generasi muda tidak harus leka kerana anasir yang cemburu dengan pencapaian BN menggunakan segala kesempatan untuk menggugat kestabilan dan kemakmuran yang dicapai," katanya.

Mustafa mengingatkan rakyat supaya meningkatkan wawasan diri masing-masing supaya tidak terikat dengan prinsip serta pegangan tradisional yang merugikan.

Semua rakyat mesti menjadi golongan profesional yang berwibawa, mampu memikul beban tugas sama ada yang berat atau ringan, barulah generasi akan datang menghormati kita sebagai sebahagian teras negara.

Di samping itu, konsep serta nilai murni hendaklah menjadi pegangan pemimpin serta ahli parti komponen BN kerana tanpa nilai murni proses pembangunan menjadi beku, kaku dan mati.